

Lindungi pinggir pantai S'pura

Agensi air negara PUB sedang mengkaji kebolehlaksanaan memasang pengadang untuk Lindungi pinggir pantai bahagian barat daya Singapura daripada pusuan ribut dan kenaikan paras laut. **Berita Harian** menggariskan skop kajian itu serta bagaimana strategi yang dikaji dapat melindungi Singapura daripada masalah banjir di pinggir pantai menjangkau abad akan datang.

Strategi

1 PENGADANG PUSUAN RIBUT

- Sejenis pintu banjir yang menyerupai lengan besi.
- Boleh diayun ke arah laut semasa pusuan ribut atau air pasang untuk melindungi kawasan di belakang pengadang itu daripada banjir.
- Digunakan di Belanda dan Britain

▼ Maeslantkering di South Holland, Belanda

- Pengadang pusuan ribut ini dibuka pada 1997 kerana sebahagian besar negara itu berada di bawah paras laut dan semakin tenggelam.
- Pengadang itu boleh bertahan hadapi pasang surut ribut lima meter atas paras laut dan merupakan barisan pertahanan pertama mencegah banjir di Rotterdam dan kawasan di kelilingnya.



▲ Thames Barrier di London, Britain

- Pengadang pusuan ribut ini direka pada 1982 untuk mengelakkan daripada banjir di London akibat pusuan pasang surut.
- Pengadang ini merangkumi 10 pagar keluli yang biasanya terbaring di dasar sungai dalam keadaan biasa dan boleh diputar ke atas untuk mengelakkan banjir semasa air pasang.

2 BENDUNGAN



- Salah satu contoh ialah Bendungan Marina yang bergantung pada sembilan gerbang dan tujuh pam untuk mengelak daripada banjir.
- Semasa cuaca hujan lebat dan air surut, gerbang itu akan dibuka untuk menyalurkan air hujan yang berlebihan ke laut.

- Apabila air pasang semasa cuaca hujan lebat, pam akan digunakan untuk mengeluarkan air yang berlebihan daripada tempat takungan air.
- Alat di bendungan atau struktur yang menyerupai empangan, yang boleh dinaikkan atau diturunkan untuk membolehkan bot lalu.

3 MENAIKKAN PARAS DARAT

- PUB juga sedang mengkaji kebolehlaksanaan menaikkan paras prasarana perindustrian di pinggir pantai.
- Singapura telah menaikkan paras prasarana akan datang seperti Pelabuhan Tuas.



Kawasan kajian

